

27/07/1999

Sudan mahu pakar negara bina landasan kereta api

SUDAN berminat mendapatkan kepakaran sektor swasta Malaysia untuk membina landasan kereta api merentangi sembilan wilayah di republik itu.

Hasrat itu dinyatakan Presidennya, Lt Jen Omar Hassan Ahmad al-Bashir dalam pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Menteri Negara bagi Hal-Ehwal Asing Sudan, Ali Nimeri, berkata Sudan yang mempunyai keluasan kira-kira dua juta kilometer persegi merancang untuk membangunkan sistem pengangkutan kereta api dan udara moden.

"Ini akan dilaksanakan menerusi program penswastaan. Oleh kerana beberapa syarikat Malaysia seperti Petronas sudahpun mempunyai projek di sana, kami berhasrat mengadakan usaha sama dengan syarikat lain untuk pembangunan landasan kereta api," katanya kepada pemberita selepas pertemuan di Langkawi itu.

Lt Jen Omar Hassan Ahmad berada di pulau peranginan itu untuk menyertai Dialog Antarabangsa Langkawi (LID 99).

Menurut Ali, usaha sama Sudan dalam mencari gali minyak dengan Petronas adalah satu projek penting bagi negara itu.

Sudan juga baru sahaja menandatangani memorandum persefahaman dengan Malaysia untuk membeli minyak sawit bernilai RM190 juta menerusi skim kredit yang akan dilunaskan menerusi pertukaran perdagangan.

Mengenai pembinaan landasan kereta api, katanya, ia mungkin sama dengan jarak rangkaian saluran paip minyak dan gas iaitu sepanjang 1,600 kilometer.

"Dalam pertemuan dengan Perdana Menteri Malaysia, kita tidak menyebut mana-mana syarikat Malaysia untuk projek itu, tetapi syarikat Sudan bersedia untuk mengadakan usaha sama," katanya.

Menurut Ali, Menteri Kewangan dan Menteri Pengangkutan Sudan dijangka mengadakan perbincangan mengenai projek penswastaan landasan kereta api dan lapangan terbang dengan rakan sejawat mereka dari Malaysia.

Perkara itu juga akan dibincangkan dalam Jawatankuasa Hubungan Perdagangan Dua Hala Sudan.

(END)